



BAHAGIAN KAWALAN RACUN PEROSAK DAN BAJA

Tingkat 4-6, Wisma Tani
Jalan Sultan Salahuddin
50632 Kuala Lumpur

MEMO PERHUBUNGAN AWAM

Daripada : **PENGARAH BAHAGIAN KAWALAN RACUN PEROSAK DAN BAJA**

Kepada : 1.MPMA (Malaysia Pest Management Association)
2.Semua Pemohon – Pemohon Peperiksaan Pemakai & Pembantu Pemakai Bil 1/2020
3. Semua Syarikat – syarikat Pengendali Kawalan Makhluk Perosak Seluruh Malaysia

Perkara : **PENANGGUHAN PEPERIKSAAN PEMAKAI & PEMBANTU PEMAKAI BIL1./2020**

Tarikh : 23 April 2020 (Khamis)

Tuan/puan,

Merujuk kepada perkara di atas, dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Peperiksaan Pemakai dan Pembantu Pemakai Bil.1/2020 akan ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan ditetapkan kemudian pada suku pertama tahun 2021. Tindakan ini dibuat setelah mengambil kira saranan Kementerian Kesihatan yang tidak menggalakkan perhimpunan besar atau aktiviti perkumpulan diadakan walaupun selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mencegah kemungkinan jangkitan COVID-19.

2. Bagi pemohon yang telah memohon secara *online*, *hardcopy* permohonan lengkap hendaklah dihantar seperti biasa ke Bahagian Kawalan Racun Makhluk Perosak dan Baja Kuala Lumpur bagi tujuan kelulusan untuk menduduki peperiksaan Pemakai dan Pembantu Pemakai Bil 1/2020 yang akan ditentukan kelak.

3. Pemberitahuan berkenaan tarikh baharu bagi Peperiksaan Pemakai dan Pembantu Pemakai Bil.1/2020 akan dibuat melalui Portal Rasmi Jabatan Pertanian setelah ianya dimuktamadkan. Sebarang pertanyaan lanjut, tuan/puan boleh menghubungi pegawai kami (ISA ANAK TAWAN/ MOHAMAD RIZALASRI BIN CHE HASHIM/ dan NAZHARI BIN SAMSUDIN) di talian 03-20301463/1457/1469.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

(MOHAMMAD NAZRUL FAHMI ABDUL RAHIM)

Setiausaha,

Lembaga Racun Makhluk Perosak

Tarikh :23.04.2020